

Bil. S 96

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 5 TAHUN 2010

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.
3. Pemasukan mukasurat-mukasurat

**JADUAL PERTAMA — PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM
UNDANG-UNDANG**

JADUAL KEDUA — PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 5 TAHUN 2010

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 5 tahun 2010 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual Pertama di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang telah dimansuhkan yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual Pertama dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat, merujuk kepada undang-undang bertulis yang telah dimansuhkan yang disebut dalam ruang-ruang pertama dan kedua.

Pemasukan mukasurat-mukasurat.

3. Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Kedua di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

JADUAL PERTAMA

(perenggan 2)

PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG**BAHAGIAN A**

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
66	Akta Pertubuhan	1 hingga 24	B.L.R.O. 1/1984.

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
66	Akta Pertubuhan	1 hingga 2	B.L.R.O. 5/2010.

JADUAL KEDUA

(perenggan 3)

PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
203	Akta Pertubuhan	1 hingga 48	B.L.R.O. 5/2010
	N 1 Pemberitahuan pengisytiharan pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang	1 hingga 2	B.L.R.O. 5/2010.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 27 haribulan Oktober, 2010.

**DATIN PADUKA DAYANG HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD. SALLEH**

Peguan Negara,
Negara Brunei Darussalam.